

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD AKIN
[BUKIT KATIL]**

TARIKH : 2 APRIL 2014

RUJUKAN : 6587

SOALAN:

**Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) kos kebajikan atau kehidupan yang ditanggung oleh Kerajaan bagi setiap orang banduan yang ditahan dalam penjara di Malaysia; dan
- (b) sama ada layanan terhadap banduan adalah berdasarkan "*United Nations Prison-Related Standards and Norms*".

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) kos kebajikan atau kehidupan yang ditanggung oleh Kerajaan bagi setiap orang banduan yang ditahan dalam penjara di Malaysia adalah sebanyak RM35 sehari. Ia melibatkan kos utiliti yang terdiri antaranya bagi tujuan penyediaan peralatan, makanan, kemudahan harian, perubatan, kawalan, pengiringan, pemulihan, emolumen dan lain-lain.**

- (b) Jabatan Penjara dalam mentadbir dan menguruskan penahanan, keselamatan, layanan, pemulihan dan pengintegrasian penghuni adalah berasaskan akta dan peraturan yang telah diluluskan di Parlimen dan juga mematuhi standard antarabangsa yang ditetapkan iaitu *United Nations Standard Minimum Rules for Treatment of Prisoners (UNSMR)*.**

Dalam konteks layanan terhadap semua penghuni, Jabatan Penjara amat peka kepada hak asasi dan kebajikan penghuni. Bagi memenuhi tuntutan hak asasi penghuni, Jabatan Penjara akan bertanggungjawab memastikan layanan yang profesional berlandaskan undang-undang, nilai-nilai kemanusiaan secara adil dan saksama. Begitu juga tiada amalan diskriminasi terhadap penghuni kerana perbezaan bangsa, warna kulit, jantina, bahasa, agama dan fahaman politik dan lain-lain.

Bagi keperluan kebajikan penghuni, Jabatan Penjara juga amat prihatin dalam masalah lazim yang dihadapi oleh penghuni antaranya masalah peribadi, kes, keluarga dan majikan. Justeru itu, adalah menjadi tanggungjawab Jabatan Penjara bagi menguruskan hal-hal tersebut dengan sebaik mungkin.

Untuk rekod, *The United Nations Working Group On Arbitrary Detention (WGAD)* semasa melawat dan memeriksa beberapa institusi penjara pada tahun 2010 telah tidak menimbulkan sebarang keraguan terhadap layanan yang dilaksanakan untuk penghuni. Begitu juga lawatan *International Committee of the Red Cross (ICRC)* menunjukkan penjara di Malaysia telah melaksanakan layanan terhadap penghuni dengan baik. Malah program-program Jabatan Penjara seperti program pemulihan bukan sahaja dipilih untuk dijadikan kursus bagi pegawai penjara rantau Asia Pasifik di bawah *Malaysia Technical Cooperation Program (MTCP)*, malah digunakan oleh negara tertentu untuk pembinaan program pemulihan penjara mereka.